

Perjanjian 1888: Suatu Harapan dan Kekecewaan.

Oleh
Ismail Bin Haji Awang Nordin
Jabatan Sejarah, FASS
Universiti Brunei Darussalam

Abad ke -19 adalah kurun yang sangat mencabar bagi Negara Brunei Darussalam. Abad tersebut merupakan abad di mana negara-negara di Asia tenggara menghadapi arus hubungan, ancaman dan penjajahan daripada kuasa-kuasa barat. Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada arus tersebut. Situasi Brunei dalam abad ke-19 turut mengundang penglibatan orang-orang Inggeris. Pada mulanya secara individu, syarikat dan kemudian melibatkan kerajaan Inggeris. Kegiatan individu Inggeris, James Brooke di Sarawak dan Syarikat Borneo Utara Inggeris (Sabah sekarang) sangat mengancam kedaulatan dan wilayah-wilayah Brunei yang mana akhirnya mengecilkan Brunei seperti yang ada sekarang. Hubungan resmi kerajaan Brunei dengan kerajaan Inggeris (Great Britain) bermula dalam tahun 1847 iaitu dengan termeterainya Perjanjian Persahabatan dan Perdagangan. Perjanjian ini tidak dapat menjamin hubungan mesra dan kedaulatan Brunei. Kerakusan James Brooke dan anak saudaranya Charles Brooke di Sarawak dan Syarikat Borneo Utara Inggeris tanpa menghiraukan rasa hormat kepada Sultan Brunei dan kedaulatan Brunei telah menyempitkan wilayah Brunei. Perluasan wilayah mereka itu pula direstui oleh kerajaan Inggeris. Untuk mengelakkan wilayah-wilayah Brunei daripada terus menerus diambil oleh kedua kuasa tersebut maka Brunei telah menandatangani Perjanjian Perlindungan pada tahun 1888 dengan Great Britain. Perjanjian ini diharap akan dapat menjamin kedaulatan dan kelangsungan Brunei tanpa mengganggu gugat kesultanan Brunei yang masih tinggal, akan tetapi ianya adalah sebaliknya. Menjamin kesultanan Brunei adalah harapan khususnya Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin. Akan tetapi, disamping harapan itu, Sultan Brunei merasa sangat kecewa akan tindakan, khususnya Rajah Charles Brooke dan malah kerajaan Inggeris yang tidak menghormati perjanjian tersebut khususnya apabila Limbang dirampas oleh Rajah Charles Brooke. Penulis akan cuba menggerap perkembangan yang membawa kepada Perjanjian 1888, kepentingan dan peranannya dalam menjamin kelangsungan kesultanan dan kedaulatan Brunei serta harapan dan kekecewaan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin dalam usahanya mengekalkan kedaulatan Brunei sehingga wujudnya perjanjian Tambahan kepada Perjanjian 1888 dalam tahun 1906. Penulis juga akan melihat beberapa perkembangan dalam dekad pertama abad ke-20.

Brunei abad ke-19 dan awal abad ke-20.

Negara Brunei Darussalam awal abad ke-19 khususnya dua abad pertama abad tersebut hingga dekad pertama awal abad ke-20 diperintah oleh tiga orang sultan iaitu Sultan Omar Ali Saifuddin II (1824-1852), Sultan Abdul Momin(1852-1885) dan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (1885-1906). Keluasan wilayah-wilayah Brunei meliputi wilayah-wilayah Sarawak dan Sabah sekarang. Tempoh ini juga menggambarkan beberapa perselisihan di kalangan keluarga Diraja, kedatangan kuasa-kuasa barat khususnya Inggeris dengan matlamat dan agenda masing-masing, yang membawa kepada pertapakan James Brooke di Kucing, Sarawak dan pembentukan

Syarikat Borneo Utara Inggeris dan penglibatan secara langsung kuasa Inggeris di Brunei. Abad-abad ini juga memperlihatkan dan kekecewaan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin terhadap mati hidupnya kerajaan dan kesultanan Negara Brunei Darussalam. Antara tahun 1846 hingga 1910 kekuasaan Brunei yang dulunya besar dan luas telah menjadi kecil dengan keluasan cuma 2,226 batu persegi atau 5,765 kilometer persegi. Pengecilan Brunei bermula dalam tahun 1846 iaitu apabila Pulau Labuan diserahkan kepada kerajaan Inggeris. Setahun kemudian, Negara Brunei Darussalam membuat perjanjian dengan kerajaan Great Britain yang dikenali dengan Perjanjian Perdagangan dan Persahabatan. Pertapakan James Brooke di Sarawak sejak tahun 1836 dan khususnya dalam tahun 1841 mengakibatkan banyak lagi wilayah-wilayah Brunei telah jatuh ke tangan James Brooke dan anak saudaranya Rajah Charles Brooke. Kemunculan Syarikat Borneo Utara Inggeris dalam tahun 1881 memperlihatkan lebih banyak lagi wilayah-wilayah Brunei di Sabah telah jatuh ke tangan syarikat. Fenomena tersebut setentunya telah mengecewakan Sultan Abdul Momin dan khususnya Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin. Keujudan Rajah-Rajah Brooke dan Syarikat Borneo Utara Inggeris mengujudkan keadaan yang tidak stabil di Brunei dan mengancam kedaulatan Negara Brunei Darussalam. Melihat keadaan yang sangat membimbangkan ini, Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin telah menandatangani Perjanjian Perlindungan dalam tahun 1888 dengan kerajaan Great Britain. Perjanjian ini diharap dapat menyelamatkan kesultanan Brunei dan menghindari daripada pengambilan wilayah-wilayah Brunei daripada kuasa asing. Kertas ini akan melihat perkembangan sejarah yang membawa kepada termaktubnya Perjanjian 1888, kepentingan perjanjian tersebut dan perkembangan sejarah selepasnya yang memperlihatkan harapan dan kekecewaan

khususnya Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin yang berusaha untuk menyelamatkan kesultanan Brunei sehingga termaktubnya perjanjian Tambahan tahun 1905/06.

Perjanjian 1847.

Perjanjian 1847 dikenali sebagai Perjanjian Persahabatan dan Perdagangan yang ditandatangani di antara kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Great Britain pada 27 Mei 1847. Perjanjian ini ditandatangani oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II dan James Brooke, selaku wakil kerajaan Great Britain. Tujuannya adalah untuk menggalakkan perdagangan antara kedua buah negara dan menghapuskan lanun di kepulauan Borneo [lihat mukadimmah perjanjian]. Perjanjian ini menandakan bermulanya hubungan secara rasmi antara kedua kerajaan tersebut. Ianya mengandungi 12 artikel. Artikel yang penting bagi Great Britain ialah artikel X yang mengesahkan penyerahan Pulau Labuan dan mengingatkan Sultan Brunei supaya tidak menyerahkan sebarang wilayah Brunei dalam apa jua bentuknya wilayah tersebut kepada kerajaan lain atau rakyat kerajaan lain tanpa persetujuan kerajaan Great Britain [lihat artikel X perjanjian 1847]. Artikel ini dari kaca mata Inggeris, dapat menghalang kuasa-kuasa asing untuk campur tangan dalam hal ehwal Brunei, menghalang pepecahan kesultanan Brunei serta menunjukkan minat Inggeris terhadap Brunei [D.S.Ranjit Singh,1991:58].

Kehadiran dan pertapakan James Brooke di Sarawak.

James Brooke, anak bekas pekerja Syarikat East India Timur dan bekas pegawai tentera Inggeris di Benggala adalah seorang yang opportunis dan bercita-cita besar telah sampai ke Kucing, Sarawak pada tahun 1839. Di Sarawak beliau mendapati pemberontakan sedang berlaku. Pemberontakan ini bermula dalam tahun 1935 yang disertai oleh orang-orang Melayu di Sarawak dan orang-oang Dayak Darat. James Brooke membantu Bendahara Raja Muda Hashim untuk menamatkan pemberontakan itu dalam tahun 1840 dan 1841 [W.R.Wright,1970:11]. Dengan pertolongan ini, James Brooke berjaya bertapak di Kucing dalam tahun 1842 dan sejak itu bejaya meluaskan wilayahnya terhadap wilayah-wilayah Brunei.

Perluasan wilayah Sarawak.

Perjanjian 1847 tidak memberi makna langsung kepada Negara Brunei Darussalam kerana kerajaan Inggeris tidak mematuhi khususnya mengenai artikel X. Artikel ini pula lebih menguntungkan kerajaan Brooke di Sarawak kerana segala keputusan akhir dirujuk kepada kerajaan Great Britain. Yang menanggung akibatnya ialah kerajaan Brunei sendiri. Ini dapat dilihat selepas perjanjian itu, banyak wilayah-wilayah Brunei telah diambil oleh James Brooke contohnya daerah-daerah Semarahan, Sadong, Lingga, Skrang, Krian, Saribas dan Rejang yang permasalahannya timbul dalam tahun 1851 semasa Sultan Omar Ali Saifuddin II memerintah, diserahkan kepada James Brooke dalam tahun 1853 semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin dengan bayaran \$1500

setahun dan separuh daripada hasilnya kepada Sultan Abdul Momin [D.S Ranjit Singh, 1991: 59-60]. Kemudian daerah Mukah dan Bintulu diserahkan kepada James Brooke dalam tahun 1863 dengan bayaran \$4500 setahun kepada Sultan Abdul Momin.

Harapan Sultan Omar Ali Saifuddien II dan Pengiran Bendahara Pengiran Anak Momin untuk menyelamatkan wilayah-wilayah Brunei dari terus diambil oleh rejim James Brooke dan kemudian anak saudaranya Rajah Charles Brooke boleh dikatakan sangat tinggi. Untuk meminta bantuan dari kerajaan Great Britain bagi menghalang perluasan wilayah Sarawak tidak berhasil, malah kerajaan Great Britain memihak kepada rejim Brookes di Sarawak. Melihat kepada keadaan ini Sultan Omar Ali Saifuddien II dan Pengiran Bendahara Anak Abdul Momin membuat perjanjian persahabatan dengan Amerika Syarikat dalam tahun 1850. Tujuannya adalah untuk mengimbangi kekuasaan James Brooke di Sarawak dan juga kerajaan Great Britain.

Syarikat Borneo Utara Inggeris

Hubungan Negara Brunei Darussalam dengan Amerika Syarikat tidak dapat mengimbangi kedudukan politik antara Brunei, Sarawak dan Great Britain. Akan tetapi akibat selanjutnya, hubungan ini memberikan kesan yang buruk kepada Brunei. Apabila konsul Amerika Syarikat yang pertama iaitu C.L. Moses sampai ke Brunei dalam tahun 1865. Sultan Abdul Momin telah memberikan konsesi wilayah Borneo Utara kepada Moses dengan bayaran \$4200 dan \$4000 setahun masing-masing kepada Sultan Abdul Momin dan Pengiran Temenggong [L.R Wright, 1970 : 16 dan 49]. Dalam tahun

tersebut juga (1865), C.L. Moses telah menjual hak pajakannya kepada J.W. Torrey, seorang ahli perniagaan di Hongkong, yang mana bersama dengan rakan kongsinya telah membentuk Syarikat Perdagangan Amerika di Borneo. Dalam tahun 1875, J.W Torrey menjual pula pajakan tersebut kepada Baron de Overbeck (konsul Austria di Hongkong) dan Alfred Dent (ahli perniagaan Dent bersaudara London) iaitu rakan kongsi Baron de Overbeck [L.R Wright, 1970 : 107].

Kebanyakkan wilayah-wilayah Brunei di Sabah dipajakkan kepada orang-orang asing tersebut dengan bayaran wang kepada pemiliknya. Umpamanya dalam tahun 1877, Sultan Abdul Momin telah memajakkan wilayah Brunei dari Tanjung Gaya hingga Tanjung Lutut. Termasuk Pulau Gaya, Pulau Sepanggar hingga ke Papar dan Benoni dengan bayaran \$4000 setahun kepada Sultan Abdul Momin. Begitu juga dengan pengiran-pengiran yang mempunyai ‘tulin’ telah memajakkan kepada Baron de Overbeck dan Alfred Dent, umpamanya Pengiran Temenggong Sahibul Bahar memajakkan wilayah-wilayah Kimanis dan Benoni dengan bayaran \$3000 setahun [lihat Hj. Abdul Karim, Jurnal Darussalam 1995 : 131]. Selain daripada memberi pajakan, Sultan Abdul Momin berkenan melantik Alfred Dent sebagai Maharaja Sabah dan Raja Gaya dan Sandakan [lihat Hj. Abdul Karim, Jurnal Darussalam 1995 : 131]. Perlantikan ini berkemungkinan untuk melebih-lebihkan kedudukan Alfred Dent daripada Rajah James Brooke kerana Sultan Abdul Momin sendiri kurang percaya kepada James Brooke yang ingin mengambil kesemua wilayah-wilayah Brunei, tidak kira ianya ‘kuripan’, ‘tulin’ dan juga ‘kerajaan’ Brunei.

Penganugerahan Piagam Diraja kepada Syarikat Borneo Utara Inggeris oleh kerajaan Great Britain pada 29 Ogos 1881 memberikan implikasi yang buruk kepada Negara Brunei Darussalam. Sejak itu banyak lagi wilayah-wilayah Brunei samaada dipajakkkan, diserahkan dan diambil secara pajakan, paksa atau ugutan oleh Syarikat Inggeris Borneo Utara dan Sarawak. Tekanan kedua-dua kuasa baru ini serta takut kepada campur tangan kuasa-kuasa asing telah menimbulkan suatu pemikiran dikalangan pegawai-pegawai Inggeris khususnya di pejabat tanah jajahan dan pejabat luar negeri di London untuk mewujudkan negara perlindungan di ketiga-tiga buah negeri tersebut: Syarikat Borneo Utara Inggeris, Sarawak dan Brunei Darussalam. Tetapi ide ini pada awalnya tidak diambil perhatian secara sirius oleh kerajaan Great Britain.

Perkembangan yang berlaku selepas tahun 1881 menguatkan lagi cadangan untuk menubuhkan negara-negara perlindungan tersebut. Raja Charles Brooke meminta hak-haknya untuk meluaskan wilayah Sarawak terhadap wilayah-wilayah Brunei, kepada kerajaan Great Britain. Umpamanya mensahkan penyerahan daerah Baram kepada Sarawak yang di Pejabat Hal Ehwal Luar British pada bulan November 1881 [L.R. Wright, 1970 : 170-171].

Kemunculan Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris yang sentiasa mendapat perhatian dan sokongan daripada Kerajaan Great Britain dan juga penarikan balik dasar perluasan wilayah Sarawak telah memperhebatkan lagi perlumbaan untuk memperluaskan wilayah oleh kedua-dua negeri tersebut terhadap wilayah Brunei kerana kedua-duanya mempunyai agenda dan matlamat yang sama iaitu untuk mengambil

wilayah-wilayah Brunei. Akibatnya wilayah-wilayah Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris dan Sarawak bertambah luas manakala wilayah Brunei semakin kecil. Dasar Inggeris pula membenarkan setiap wilayah yang diambil oleh kedua-dua negeri tersebut tanpa menghormati Artikel X perjanjian tahun 1847. Malah kerajaan Great Britain diibaratkan sebagai pengadil bagi persaingan Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris dan Rajah Brooke, Sarawak dalam memperluaskan wilayah-wilayah mereka ke atas Brunei Darussalam.

Pengambilan daerah Baram oleh Sarawak telah diperkenankan dalam tahun 1882 [S. Baring-Gold dan C.A. Bampfylde, 1970 : 340]. Peter Leys, Konsul-Agung baru di Labuan berjaya mendapatkan wilayah dari Tanjung Kidorong hingga ke Baram dengan bayaran tahunan \$3000 kepada Sultan Abdul Momin dan \$2000 kepada Pengiran Temanggong Anak Hashim, untuk Sarawak. Manakala daerah Padas dipajakkkan kepada Syarikat Borneo Utara Inggeris dalam tahun 1884 sungguhpun Pengiran Temanggong Anak Hashim yang empunya ‘tulin’ ini enggan membenarkannya. Dalam tahun itu juga (1884) Pengiran Temanggong Anak Hashim telah menyerahkan daerah Trusan dan Limbang kepada Sarawak tetapi tidak mendapat kebenaran daripada Sultan Abdul Momin. Maka, menyerahan daerah-daerah tersebut tidak sah.

Walaupun Sultan Abdul Momin (1852-1885), beberapa dekad sebelum mangkat, dalam keadaan tua dari segi umur, baginda memiliki pemikiran yang melihat kedepan. Menyedari tentang kehilangan wilayah-wilayah Brunei kepada Syarikat Borneo Utara Inggeris dan Sarawak telah menyedarkan Baginda. Harapan Baginda tidak mahu lagi

melihat akan kehilangan wilayah-wilayah Brunei yang masih tinggal sama ada dipajakkkan, dijual atau diserahkan kepada Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris dan Rajah Brooke, Sarawak. Harapan ini tergambar dalam ‘amanat’ Baginda yang dibuat pada 20 Februari 1885 yang mana pembesar-pembesar Brunei yang memiliki ‘kuripan’ dan ‘tulin’ telah bersumpah setia, sebulat hati untuk tidak memajakkan atau menyerahkan wilayah kepunyaan mereka kepada negara-negara asing. Amanat baginda ini dikenali sebagai ‘Amanat Sultan Abdul Momin’ [lihat D.E. Brown, 1974 : 168].

Pemberontakan Limbang 1884

Limbang adalah ‘kuripan’ Pengiran Temanggong Pengiran Anak Hashim (menaiki takhta dalam tahun 1885 dengan gelaran Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin). Setahun sebelum Pengiran Temanggong Pengiran Anak Hashim menaiki takhta, penduduk-penduduk Limbang telah mengadakan pemberontakan. Pemberontakan ini adalah disebabkan oleh cukai yang dikenakan dan yang dikutip secara kekerasan oleh pemungut-pemungut cukai. Dua orang pemungut cukai dari Brunei telah dibunuh di Limbang. Tekanan pemberontak-pemberontak di Limbang tidak dapat di selesaikan oleh Pengiran Temenggong Pengiran Anak Hashim, sehingga William Treacher (Pemangku Konsul Agung Inggeris di Labuan) turut campur tangan menyelesaikan dan menamatkan pemberontakan tersebut. Persetujuan diperolehi : cukai-cukai yang tidak perlu ditiadakan kecuali cukai kepala (poll-tax). Pengiran Temanggong Pengiran Anak Hashim pernah meminta bantuan dari Rajah Charles Brooke untuk menamatkan pemberontakan itu tetapi tidak berjaya.

Ekoran daripada penyelesaian pemberontakan Limbang, Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin cuba untuk mengambil kembali daerah-daerah Padas, Trusan dan Limbang. Akan tetapi oleh kerana tekanan daripada Peter Leys, Syarikat Inggeris Borneo Utara serta Rajah Charles Brooke, Sarawak, maka Sultan akhirnya bersetuju menyerahkan Trusan dalam tahun 1885 dan Padas dalam tahun 1887 tetapi dengan tegas dan keras, enggan menyerahkan Limbang [D.S. Ranjit Singh, 1991 : 71]. Ada beberapa alasan mengapa Sultan Hashim tidak mahu menyerahkan Limbang kepada kuasa-kuasa asing. Pertama, Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin serta pembesar-pembesar Brunei sangat patuh kepada amanat Sultan Abdul Momin, supaya tidak lagi menyerahkan wilayah-wilayah Brunei kepada sama ada Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris atau Rajah Brookes, Sarawak, termasuk juga kuasa-kuasa asing yang lain. Kedua, sungai Limbang adalah dalam lingkungan kerajaan Brunei, sebab itu Sultan Hashim sering mengatakan bahawa Brunei adalah Limbang dan Limbang adalah Brunei. Ketiga, Limbang adalah sumber ekonomi Brunei (khususnya sago) dan tempat mata pencarian, kehidupan orang-orang Brunei dari generasi ke generasi [surat Sultan Hashim kepada Sir Frederick Weld, 1890]. Selain daripada itu Limbang juga merupakan ‘periuk nasi’ bagi Sultan Hashim [The Straits Times, Singapore, 18 April 1890].

Antara tahun 1882 hingga 1888 adalah tempoh masa di mana Negara Brunei Darussalam menjadi semakin mengecil. Tempoh ini menggambarkan kesurivalan Brunei atau kelenyapannya sebagai sebuah negara yang paling tua di Borneo. Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris dan Sarawak ghairah memperluaskan wilayah mereka sehingga

tidak ada lagi nama Negara Brunei Darussalam. Melihat wilayah Brunei yang semakin kecil dan juga masalah Limbang yang tidak selesai serta cadangan Peter Leys kepada Pejabat Hal Ehwal Luar British untuk membahagi-bahagikan dan hanya meninggalkan Bandar Brunei dan Muara sahaja kepada Sultan Hashim menyebabkan Sultan Hashim merayu dan membuat bantahan kepada kerajaan Baginda Queen (Great Britain) dengan mengutus surat kepada Baginda Queen dalam tahun 1887, merayu kepada baginda Queen supaya menghalang lebih banyak wilayah-wilayah Brunei jatuh ketangan Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris dan Rajah Sarawak.

Boleh dikatakan masa depan Brunei dalam tempoh 1882 hingga 1888 agak kabur dan tidak selamat. Pegawai-pegawai Inggeris hampir keseluruhannya tidak bersimpati dan enggan memberikan pertolongan kepada Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin untuk mengekalkan kesultanan dan pengambilan wilayah-wilayah Brunei. Umpamanya Lord Salisbury, Setiausaha Pejabat Luar Great Britain dalam tahun 1887 berkata dalam minitnya kepada Julian Pauncefote [F.O. 12-78]:

“The North Borneo Company and Sarawak are crushing out the Sultan between them. I think we had better let them finish it and made no agreement with the Sultan of Borneo”

Minit ini bukannya hendak menolong tetapi mahu menghapuskan Sultan dan negeri Brunei sendiri. Dalam surat Rajah Charles Brooke kepada Lord Brassey pula, mahu mengecilkan kerajaan Brunei dengan sekecil-kecilnya:

“..if the Brunei Town and river were left to them, while the rivers Limbang and Tutong were attached to Sarawak, the existence of the Brunei sultanate would in a very short space of time become harmless...[lihat D.S.Ranjit Singh, 1991:71].

Cadangan untuk memberikan perlindungan kepada Brunei Darussalam bermula sejak tahun 1885, tetapi oleh kerana perselisihan pendapat di kalangan pegawai-pegawai Inggeris samada Syarikat Berpiagan Borneo Utara Inggeris, Sarawak, Pejabat Tanah Jajahan dan Hal Ehwal Luar, malah juga di parlimen Great Britain, maka rancangan tersebut dibekukan buat beberapa tahun, sehinggalah Sir Frederick Weld, Govenor Negeri-Negeri Selat dilantik oleh kerajaan Great Britain untuk mengetuai misi ke Brunei dalam tahun 1887 untuk melihat keadaan dan diarah untuk menghadapkan rancangan penyelesaian kepada Sultan Brunei. Dalam keadaan ini, Rajah Charles Brooke sempat menulis surat kepada Lord Brassey untuk melemahkan kesultanan Brunei [D.S.Ranjit Singh, 1991:71]. Kehadiran Sir Frederick Weld memberikan harapan kepada Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin kerana Baginda tidak mahu lagi kehilangan wilayah-wilayah Brunei dan mengingatkan Sir Frederick Weld tentang amanat Sultan Abdul Momin yang sentiasa dipatuhinya. Malah Baginda tidak percaya yang kerajaan Great Britain dan Baginda Queen mahu menyerahkan kerajaan Brunei tanpa perkenan baginda sendiri.

Sir Frederick Weld, bukanlah seperti Hewette, Lord Derby, Lord Salisbury, Davies dan lain-lain lagi, yang mahukan melihat kelenyapan Negara Brunei Darussalam dari peta Borneo, malah Weld bersimpati akan keadaan Brunei yang semakin kecil. Di Brunei, Weld mendapati pemberontakan Limbang masih berjalan dan Sultan khuatir kalau-kalau Baginda dipaksa untuk menyerahkan Limbang. Tetapi walauapapun, Baginda akan tetap mempertahankan Limbang. Baginda menekankan lagi kehendaknya untuk meminta perlindungan kerajaan Great Britain. Sir Frederick Weld mencadangkan perlindungan dan seorang Resident kepada Sultan Hashim. Weld juga mencadangkan Syarikat Berpiagan Borneo Utara Inggeris dan Sarawak untuk diberikan perlindungan jika mereka mahu.

Ide Sir Frederick Weld untuk mengadakan seorang Resident di Brunei telah ditolak oleh kerajaan Great Britain disebabkan oleh masalah kewangan. Akan tetapi ide untuk menujuhkan sebuah Negara perlindungan telah diterima [L.R.Wright, 1970: 200 dan D.S. Ranjit ingh, 1991:72]. Dalam tahun 1888, kerajaan Great Britain telah membuat perundingan untuk mengadakan negara-negara perlindungan bagi ketiga-tiga buah negeri: Negara Brunei Darussalam, Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris dan Sarawak. Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris menandatanganinya 13 Mei 1888 dan Sarawak pula pada 5 September 1888. Manakala Negara Brunei Darussalam, pada 17 September 1888. Perjanjian ini ditandatangani oleh Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin bagi pihak Brunei dan Sir Hugh Low, Resident Inggeris di Perak selaku wakil kerajaan Baginda Queen atau Great Britain.

Terdapat lapan artikel dalam Perjanjian 1888 ini. Mukadimah perjanjian menyebutkan bahawa Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin , Sultan dan pemerintah yang sah bagi Negeri Brunei, di Pulau Borneo telah menghadapkan kepada kerajaan Great Britain akan keinginan negeri tersebut diletakkan dibawah perlindungan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen. Berdasarkan kepada mukadimah dan termaktubnya perjanjian ini maka Negara Brunei Darussalam telah berada dibawah perlindungan kerajaan Great Britain. Sebagai sebuah Negara perlindungan dan terikat dengan syarat-syarat perjanjian maka ianya merapatkan lagi hubungan Negara Brunei Darussalam dengan Great Britain sejak 41 tahun termaktubnya perjanjian 1847.

Article I

The state of Brunei shall continue to be governed and administered by the said Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin and his successors as an independent state, under the protection of Great Britain ; but such protection shall confer no right on Her Majesties Government to interfere with the internal administration of that State further than is herein provided.

Article II

Incase any questions should hereafter arise respecting the rights of succession to the present or any future Ruler of Brunei, such questions shall be referred to Her Majesty's Government for decision.

Article III

The relations between the State of Brunei and all foreign States, including the States of Sarawak and North Borneo shall be conducted by Her Majesty's Government, and all communications shall be carried on exclusively through Her Majesty's Government, or in accordance with its directions ; and if any difference should arise between the Sultan of Brunei and the Government of any other State, the Sultan of Brunei agrees to abide by the decision of Her Majesty's Government, and to take all necessary measures to give effect thereto.

Article IV

Her Majesty's Government shall have the right to establish British Consular Officers in any part of the State of Brunei, who shall receive exequaturs in the name of the Sultan of Brunei. They shall enjoy whatever privileges are usually granted to Consular Officers, and they shall be entitled to hoist the British Flag over their residences and public offices.

Article V

British subjects, commerce, and shipping shall, in addition to the rights, privileges, and advantages now secured to them by Treaty, be entitled to participate in any other rights, privileges and advantages, which may be enjoyed by the Subjects, commerce, and shipping of the State of Brunei.

Article VI

No cession or other alienation of any part of the territory of the State of Brunei shall be made by the Sultan to any foreign State, or the subjects or the citizens thereof, without the consent of Her Majesty's Government, but this restriction shall not apply to ordinary grants or leases of land or houses to private individuals for purposes of residence, agriculture, commerce or other business.

Article VII

It is agreed that full exclusive jurisdiction, civil and criminal, over British subjects and their property in the State of Brunei is reserved to Her Britannic Majesty, to be exercised by such Consular or other officers as Her Majesty shall appoint for that purpose.

The same jurisdiction is likewise reserved to Her Majesty in the State of Brunei over foreign subjects enjoying British Protection; and the said jurisdiction may likewise be exercised in cases between British or British protected subjects and the subjects of a third power, with the consent of their respective Governments.

In mixed civil cases arising between British and British protected subjects and the subjects of the Sultan, the trial shall take place in the Court of the dependent's nationality; but an officer appointed by the Government of the plaintiff's nationality shall be entitled to be present at, and to take part in, the proceedings, but shall have no voice in the decision.

Article VIII

All the provisions of existing Treaties, Conventions, and Declarations between Her Majesty the Queen and the Sultan of Brunei are hereby

confirmed and maintained except in so far as any of them may conflict with the present Agreement.

In witness whereof, His Highness the said Sultan of Brunei hath hereunto attached his seal at the palace, in the city of Brunei, on the 17th day of September, in the year of Our Lord 1888, being the 11th day of the month of Moharram, in the year 1306 of the Mohammaden era; and Sir Hugh Low, K.C.M.G., British Resident in Perak, in Charge of a Special Mission to His Highness the Sultan, hath, on the part of Her Majesty's Government, signed this Agreement in the presence of witnesses.

Sumber: [D.S.Ranjit Singh, 1991: 233-235]

Apakah kepentingan Perjanjian 1888 ini? Sejauhmana ianya dapat menjamin Negara Brunei Darussalam dalam statusnya sebagai Negara perlindungan? Dari segi kepentingannya, kita melihat dari dua sudut iaitu kepentingannya kepada Negara Brunei Darussalam dan kepada kerajaan Great Britain.

Kepentingan Perjanjian 1888.

Kepentingan Perjanjian 1888 dapat dilihat dari aspek positif dan negatif. Dari sudut positif, Perjanjian ini pada prinsipnya menekankan lagi corak atau sistem pemerintahan Negara Brunei Darussalam yang berdasarkan kesultanan yang berkerajaan sendiri, tetapi di bawah perlindungan kerajaan Great Britain. Ini terkandung dalam artikel I perjanjian tersebut. Jadi jelas artikel ini menekankan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah negara yang bersultan (beraja) sepanjang zaman. Dan, perkara ini dijamin oleh kerajaan Great Britain melalui perjanjian ini. Artikel ini juga memperjelaskan bahawa kerajaan

Duli Yang Maha Mulia Seri Baginda Queen tidak ada hak untuk mencampuri pentadbiran dalam Negara Brunei Darussalam. Jadi, yang penting artikel ini ialah mengekalkan institusi beraja dan pentadbiran dalaman serta mendapat perlindungan daripada kerajaan Great Britain.

Artikel II sebenarnya bertentangan dengan artikel I yang menjelaskan bahawa apabila timbul permasalahan hak menggantikan raja maka persoalan ini hendaklah dirujuk kepada kerajaan Duli Yang Maha Mulia Seri Baginda Queen bagi mendapatkan keputusan. Kalau perkara ini dirujuk kepada kerajaan Great Britain maka sudah tentu akan melibatkan campur tangan kerajaan Great Britain terhadap pentadbiran Negara Brunei Darussalam, sedangkan artikel I mengatakan kerajaan Baginda Queen tidak ada hak untuk mencampuri pentadbiran dalam Negara Brunei Darussalam. Seharusnya, kerajaan Great Britain tidak boleh campur tangan dalam hal perlantikan raja kerana Negara Brunei Darussalam mempunyai Majlis Perlantikan Raja yang tersendiri di mana hal sedemikian boleh dirujuk di majlis ini.

Artikel III tidak memberi kepentingan yang positif kepada Negara Brunei Darussalam tetapi menguntungkan kerajaan Great Britain. Perhubungan di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara asing termasuk Sarawak dan Syarikat Borneo Utara Inggeris dikendalikan oleh kerajaan Great Britain. Begitu juga dengan segala urusan komunikasi. Kedua-dua aspek ini juga melibatkan campur tangan dalam pentadbiran dalam Negara Brunei Darussalam yang bertentangan dengan artikel I tadi. Apabila berlaku sebarang perselisihan antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara

asing maka Sultan Brunei bersetuju dengan keputusan kerajaan Great Britain. Semangat artikel ini sudah ada sasarannya. Kestabilan politik atau ketidak stabilan politik di Borneo adalah disebabkan oleh kehadiran Rajah Sarawak dan Syarikat Borneo Utara Inggeris yang mengancam kestabilan Brunei. Walaupun Sarawak dan Syarikat tersebut di kategorikan sebagai negara asing akan tetapi ianya melibatkan kepentingan Inggeris. Sasarannya apabila Limbang dirampas oleh Rajah Charles Brooke, penyelesaian terakhirnya ialah kerajaan Baginda Queen, mahu tidak mahu atau rela tidak rela Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin terpaksa menerima keputusan kerajaan Great Britain walaupun dengan bantahan.

Melalui artikel III ini juga, Negara Brunei Darussalam telah menyerahkan pengurusan hubungan luarnya kepada kerajaan Great Britain. Dalam erti kata, Negara Brunei Darussalam telah kehilangan sebahagian daripada kedaulatannya iaitu hubungan luarnya dengan negara-negara lain [D.S.Ranjit Singh, 1991:72 dan B.A.Hussainmiya, 1995: 14] atau dasar luarnya ditentukan oleh Great Britain. Jelas, artikel III ini memberikan kepentingan yang positif kepada kerajaan Great Britain tetapi negative kepada Negara Brunei Darussalam.

Artikel IV dan V juga menguntungkan kerajaan Great Britain, pegawai-pegawai dan peniaga-peniaga Inggeris. Artikel IV secara keseluruhannya untuk kebaikan pegawai-pegawai Inggeris khususnya pegawai-pegawai Konsul Inggeris dan keistimewaan yang patut diberikan kepada mereka. Begitu juga dengan Artikel V. Kalau dilihat dari segi perdagangan ianya lebih banyak menguntungkan dan memberikan kepentingan kepada

perdagangan Inggeris kerana pedagang-pedagang Brunei tidak mampu untuk melabur (pelaburan) di luar Negara, mungkin kerana kekurangan modal. Akan tetapi pedagang-pedagang Inggeris atau syarikat-syarikat Inggeris mampu membuat pelaburan di Brunei, contohnya, The Island Trading Syndicate (syarikat obar) dan Syarikat yang berkaitan dengan usaha menanam getah di Brunei.

Artikel VI Perjanjian 1888 sama dengan artikel X Perjanjian 1847 iaitu menghalang Sultan Brunei daripada menyerahkan atau memindah milik wilayah kepada negara asing atau rakyat negara asing tanpa persetujuan daripada kerajaan Great Britain. Pada asasnya artikel VI, dapat membendung Sultan Brunei daripada menyerahkan wilayah yang masih ada kepada negara asing tetapi pada realitinya artikel ini tidak dapat dijadikan sandaran untuk mengemukakan bantahan apabila wilayah Brunei diambil atau dirampas secara paksa oleh Sarawak. Contohnya, perampasan Limbang oleh Rajah Charles Brooke. Walaubagaimanapun, artikel ini ada jua kebaikkannya kerana semangatnya memberikan peringatan kepada sultan dan pembesar-pembesar Brunei untuk tidak menyerahkan wilayah-wilayah Brunei kepada negara-negara asing.

Bagi kerajaan Great Britain, artikel VI ini lebih menguntungkan mereka kerana apa-apa permasalahan mengenai pengambilan wilayah Brunei, penyelesaian akhir bergantung kepada keputusan kerajaan Great Britain. Lagipun ayat-ayat akhir artikel ini sangat menguntungkan Sarawak dan Syarikat Borneo Utara Inggeris yang mana pengecualian terhadap tanah-tanah atau wilayah yang dipajakkan atau dikurniakan oleh orang-orang perseorangan untuk tujuan perniagaan, perdagangan, kediaman, pertanian dan lain-lain

akan melibatkan kedua-dua negeri tersebut seperti pajakkan tulin-tulin yang dipunyai oleh pengiran-pengiran khususnya di Sabah dan Sarawak. Peristiwa penyerahan dan pemajakkan tulin-tulin ini berlaku selepas tahun 1888. Artikel VII lebih menguntungkan kerajaan Great Britain kerana ianya melindungi dan memperuntukkan kepentingan rakyat Inggeris, umpamanya dari segi keistimewaan, sivil dan jenayah dan sebagainya. Dengan kata lain pegawai-pegawai konsul Inggeris akan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan rakyat Great Britain di Brunei.

Berdasarkan kepada fakta-fakta tadi, maka jelas kepada kita, bahawa Perjanjian 1888 itu lebih banyak menguntungkan kerajaan Great Britain daripada kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Peristiwa-peristiwa selepas Perjanjian 1888

Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin berharap dengan termaterainya Perjanjian 1888 akan dapat melindungi Negara Brunei Darussalam daripada pencerobohan negara-negara asing serta menjamin kesurvivalan Brunei dan menghormati hubungan mesra dengan kerajaan Great Britain. Akan tetapi peristiwa yang berlaku selepas penandatanganan perjanjian tersebut sangat mengecewakan Sultan Hashim, umpamanya perampasan Limbang oleh Rajah Charles Brooke.

Perampasan Limbang 1890

Dua tahun selepas Perjanjian 1888, Rajah Charles Brooke telah berjaya merampas Limbang dan menaikkan bendera Sarawak di sana pada 17 Mac 1890, serta mengistiharkan bahawa Limbang berada di bawah kerajaan Sarawak [R.E. Stubbs, 1968 : 100]. Perampasan ini adalah tanpa pengetahuan, perkenan dan kebenaran Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin [surat Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin kepada Sir Frederick Weld]. Baginda merasa terharu, terperanjat dan murka ke atas tindakan Rajah Charles Brooke terhadap perampasan tersebut. Beberapa langkah telah diambil oleh Baginda untuk mengembalikan semula Limbang kepada Brunei, umpamanya merayu kepada kerajaan Great Britain dengan menulis surat kepada Sir Frederick Weld supaya menolong mengembalikan Limbang kepada Brunei dan mengarahkan Rajah Charles Brooke dan orang-orangnya meninggalkan Limbang dan balik ke Sarawak [surat Sultan Hashim kepada Sir Frederick Weld]. Baginda sering merujuk kepada perjanjian-perjanjian yang lalu dengan Great Britain dan Sarawak dan Baginda patuh kepada perjanjian-perjanjian tersebut. Akan tetapi Rajah Charles Brooke tidak menghormatinya. Sultan Hashim dan pembesar-pembesar Brunei serta rakyat Baginda tidak sekali-kali menyerahkan Limbang kepada mana-mana kuasa asing kerana Limbang adalah Brunei dan Brunei adalah Limbang, iainya tempat orang-orang Brunei mencari makan [surat Sultan Hashim kepada Sir Frederick Weld]. Rayuan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin kepada kerajaan Great Britain dan Sarawak juga tidak berhasil.

Pentingnya Limbang terhadap Brunei ditekankan oleh Sultan Hashim dalam The Singapore Free Post, pada 7 April 1890 dan The Straits Times, Singapore pada 18 April 1890 antaranya menyebutkan bahawa Limbang adalah ‘periuk nasi’ atau ‘rice-port’ Baginda. Limbang membekalkan hasil-hasil hutan, alat untuk membina rumah, keperluan tempatan dan sumber ikan Brunei. Kehilangan Limbang menyebabkan ekonomi Brunei merosot dan mengecewakan Sultan Brunei. Dalam masa yang sama pendapatan pengiran-pengiran yang mempunyai tulin di sana juga merosot. Ekspot sago Brunei juga merosot dalam tahun 1899. Kehilangan Limbang merupakan satu kepincangan kepada Negara Brunei Darussalam seperti yang dinyatakan oleh Sultan Hashim kepada McArthur, “the loss of Limbang had already crippled him, like the loss of a limb” [D.S. Ranjit Singh, 1991 : 92]. Rayuan Sultan Hashim kepada kerajaan Great Britain untuk mengembalikkan Limbang kepada Brunei berterusan. Malangnya kerajaan Great Britain enggan menolong malah menghantar Mr Neil Penrose Trevenen, Konsul British yang baru bagi Borneo (1890-1898) pada bulan November 1890 ke Limbang untuk menyiasat perkara yang sebenarnya.[R.E. Stubbs, 1968 : 101] dan sekali lagi pada bulan April 1891. Di samping itu kerajaan Great Britain mengarahkan Sir Cecil Clementi Smith supaya Sultan Hashim menyerahkan saja Limbang kepada Sarawak [R.E. Stubbs, 1968 :101]. Tetapi Sultan Hashim dengan keras hati menolak permintaan tersebut. Sir Cecil Clementi Smith juga memberitahu kepada Rajah Charles Brooke bahawa kerajaan Great Britain tidak akan menyokong perampasan Limbang, kecuali jika Sultan Hashim menerima atau diberi wang pampasan ganti rugi [R.E. Stubbs, 1968 : 101].

Berdasarkan laporan N.P. Trevenen, kerajaan Great Britain bersedia untuk mensahkan perampasan Limbang tetapi persetujuan hendaklah dibuat untuk membayar ganti rugi atau pampasan kepada Sultan Brunei dan pemegang kuripan Limbang. Bulan Mac 1892 wang pampasan dirundingkan dan Sultan Brunei akan menerima \$6000 setiap tahun dan kalau baginda tidak menerima wang tersebut dalam masa tiga tahun sejak tarikh perampasan Limbang, maka wang tersebut akan dikembalikan kepada Rajah Charles Brooke [R.E. Stubbs, 1968 : 102]. Sultan Hashim dan pembesar-pembesar Brunei tidak mahu menerima walau se sen pun wang tersebut. Sultan Hashim tidak rela menggantikan Limbang dengan wang ringgit sebagai ganti rugi keatas tanah Limbang yang dirampas itu. Malah baginda sangat murka. Kemurkaan ini tergambar dalam akhbar The Straits Times, Singapore:

“The Sultan spoke bitterly and indignantly. He had depended, he said, on the promised protection of the Queen; and how the land of his fathers was stolen from him by his enemy, and the Queen refused to help him and even wanted him to take the money for his country. He would not touch it. If he was to be robbed of his country by the strong man, he might be robbed but he would not sell his land and his people.” [The Straits Times, Singapore, 3 October 1891].

Apa pun caranya untuk meyakinkan Baginda supaya menyerahkan Limbang kepada Sarawak, Baginda tetap dengan keputusannya. Baginda rela dirompak, namun menjual Limbang dan rakyatnya kepada Sarawak tetap tidak diperkenankannya. Usaha Trevenen

gagal, dan tempoh selepas tiga tahun tamat dan sehingga tahun 1895 Baginda tetap enggan menerima wang tersebut. Ogos 1895 Pejabat Hal Ehwal Luar Great Britain telah mengistiharkan kes perampasan Limbang oleh Rajah Charles Brooke itu ditutup. Hal ini telah mengecewakan Sultan Hashim. Isu perampasan Limbang masih tetap tidak diterima dalam hidupnya sehingga Baginda mangkat pada 10 May 1906.

Pemberontakan Tutong dan Belait.

Sembilan tahun selepas perampasan Limbang, antara tahun 1899 hingga 1901, Negara Brunei Darussalam menghadapi dua lagi pemberontakan, iaitu pemberontakan Tutong dan Belait. Antara sebab-sebab berlakunya pemberontakan tersebut ialah cukai yang tinggi dikenakan kepada penduduk-penduduk wilayah tersebut. Peristiwa ini dijadikan alasan oleh Rajah Charles Brooke untuk mengambil wilayah-wilayah tersebut, malah bukan itu sahaja, tetapi untuk mengambil keseluruhan wilayah-wilayah Brunei yang masih ada. Selepas Limbang dirampas, wilayah Brunei yang masih tinggal ialah: Tutong, Belait, Bandar Brunei dan wilayah persekitaran yang dekat iaitu Temburong, Muara dan Kota Batu. Belait adalah kuripan Pengiran Bendahara, manakala Tutong kuripan Pengiran Digadong. Saranan Hewette, Konsul Inggeris baru bagi Borneo, supaya menyerahkan sahaja wilayah-wilayah itu kepada Sarawak, tetapi tidak diterima oleh Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin, kerana jika Tutong dan Belait diserahkan, Brunei akan menjadi lebih kecil lagi, ibarat pokok yang tidak berdahan [F.O. 12/117]. Dan kalau diserahkan kesemua wilayah Brunei yang masih tinggal itu, maka kesultanan Brunei akan lenyap. Lagipun, harapan Sultan Hashim untuk menjamin kelangsungan

kesultanan Brunei dan mempertahankan wilayah-wilayah Brunei berdasarkan artikel I Perjanjian 1888, tidak akan tercapai jikalau Baginda tunduk kepada tekanan Rajah Charles Brooke, Sarawak. Dan, Baginda tidak mahu kecewa lagi dengan perampasan Limbang yang diharapkannya dapat dikembalikan dengan pertolongan kerajaan Great Britain.

Perjanjian Tambahan 1905/06.

Melihat kepada pengalaman pahit tentang perampasan Limbang serta keinginan Baginda untuk menghalang agressi Rajah Charles Brooke dan untuk menjamin kesurvivalan kesultanan Brunei, maka Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin dengan pehuh yakin telah membuat perundingan dengan kerajaan Great Britain. Persetujuan telah dicapai dan satu lagi perjanjian telah ditandatangani sebagai tambahan kepada Perjanjian 1888 pada akhir bulan Disember 1905 dan awal Januari 1906. Perjanjian baru ini telah meletakkan Negara Brunei Darussalam di bawah pentadbiran Sistem Residen.

Kesimpulan.

Perjanjian 1888 tidak mampu memberikan taraf perlindungan yang sepenuhnya kepada Negara Brunei Darussalam. Ini adalah kerana dasar Great Britain pada masa itu lebih mengutamakan kepentingan Inggeris, khususnya rejim Rajah Brooke di Sarawak dan Syarikat Borneo Utara Inggeris. Perjanjian 1888 yang sepatutnya memberikan harapan kepada Brunei dari segi keselamatan dan pengekalan wilayah-wilayah Brunei tidak banyak meyakinkan Brunei khususnya Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin. Kisah

perampasan Limbang yang merupakan nadi orang-orang Brunei sangat-sangat mengecewakan Sultan Hashim dan rakyat Brunei. Walaubagaimanapun, harapan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin dan rakyat Negara Brunei Darussalam, untuk menjaga dan mengekalkan kelangsungan dan kesurvivalan kesultanan Brunei, akhirnya dapat dicapai dengan adanya Perjanjian Tambahan 1905/06, iaitu tambahan kepada Perjanjian Perlindungan 1888 yang meletakkan Negara Brunei Darussalam, di bawah pentadbiran Sistem Residen, Inggeris.

Bibliografi:

1. Baring-Gould, S., and Bampfylde, C.A., *A History of Sarawak under its Two White Rajahs*, Singapore, OUP., 1989.
2. Brown, Donald E., *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*, BMJ Monograph No.2, 1970.
3. Brown, Donald E., “Sultan Abdul Mumin’s will and related documents” *BMJ*, Vol. 3, No.2, 1974.
4. Criswell, C.N., “The Establishment of a Residency in Brunei 1895-1905”, *ASEAN Studies*, Vol. X, No.1, April 1972, Quezon City, UPP.
5. Horton, A.V.M., ‘Report on Brunei by M.S.H. McArthur, Monograph in the International Studies’, *Southeast Asian Series*, No.74, Ohio University, 1987.
6. Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Rahman, “Brunei Abad ke-XIX: Suatu Cabaran dan Campur Tangan British, *Jurnal Darussalam*, Bil 2, Jabatan Pusat Sejarah Brunei 1995.
7. Ranjit Singh, D.S., *Brunei, 1839-1983: The Problems of Political Survival*, Singapore, OUP., 1984.
8. Stubbs, R.E., ‘Two Colonial Office Memoranda on the History of Brunei, *JMBRAS*, Vol. XL, Pt.2, 1968.
9. Wright, L.R., *The Origins of British Borneo*, Hongkong, Hongkong University Press, 1970.
10. F.O. [Record of Foreign Office]
11. C.O. [Record of Colonial Office]
12. Surat Sultan Hashim kepada Sir Frederick Weld.